

Selasa, 7 Januari 2020 | 11:40pm



KPDNHEP Putrajaya merampas 700 tong gas petroleum cecair (LPG) dianggar bernilai RM100,000 di sebuah premis tanpa nombor di Klang, petang tadi. - Ihsan KPDNHEP

KPDNHEP rampas 700 tong LPG

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

KLANG: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya merampas 700 tong gas petroleum cecair (LPG) dianggar bernilai RM100,000 di sebuah premis tanpa nombor di sini, petang tadi.

Ketua Seksyen Bekalan KPDNHEP Putrajaya, Azman Adam berkata, tong gas berkenaan ditemui melalui serbuan Operasi Barang Kawalan LPG oleh pegawai KPDNHEP Putrajaya kira-kira jam 4 petang tadi.

"Dalam serbuan berkenaan, KPDNHEP menyita 700 tong gas iaitu masing-masing 420 tong LPG bersaiz 14 kilogram (kg) dan 280 tong bersaiz 50kg dianggar bernilai RM100,000.

"Ketika serbuan dijalankan, ada beberapa individu dalam premis yang dipercayai pekerjaanya. Bagaimanapun, mereka sempat melarikan diri ke kawasan semak berdekatan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata, syarikat berkenaan disyaki menyimpan LPG bersubsidi di tempat tidak dilesenkan dengan bekalan dipercayai untuk pasaran Lembah Klang.

Pihaknya tidak menolak kemungkinan syarikat berkenaan didalangi orang sama seperti kes rampasan LPG sebelum ini, namun siasatan masih dijalankan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 20 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu menyimpan barang kawalan bukan di premis yang dilesenkan dan Seksyen 21 iaitu memiliki barang kawalan dengan syak yang munasabah melakukan kesalahan.

"Jika sabit kesalahan, denda maksimum adalah RM1 juta bagi syarikat perseorangan manakala RM2 juta bagi pertubuhan atau penjara selama tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya," katanya.

